

D198

U B046 DEB
MAHATHIR - RUMAH R R R

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SUPAYA MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN RANCANGAN MEMBINA 80,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH SETAHUN, UNTUK TEMPOH TIGA TAHUN MULAI SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI HENDAKLAH MEMILIH SEGERA PEMAJU-PEMAJU BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK ITU SECARA PENSWASTAAN ATAU USAHASAMA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PELANCARAN PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH DI DUSUN NANDING, HULU LANGAT, BELIAU BERKATA PROJEK ITU SEHARUSNYA TELAH DILAKSANAKAN PADA BULAN LEPAS.

SERENTAK ITU, PERDANA MENTERI MAHUKAN PROJEK-PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN UNTUK TAHUN 1987 DAN 1988 DIKENALPASTI DAN DIRANCANG DARI SEKARANG.

BELIAU BERKATA PROGRAM KHAS ITU BERTUJUAN MENCAPAI MATALAMAT UTAMA MENINGKAT KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI. -- LAGI.

1416MST 13 07 86

D199

U B047 DEB
MAHATHIR - RUMAH 2 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, KATA PERDANA MENTERI, IA JUGA BERTUJUAN MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN DAN MENYEDIAKAN PERUMAHAN UNTUK RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH.

BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN INI BEBERAPA TINDAKAN DAN STRATEGI BARU TELAH DIRANCANG DAN DIPERKENALKAN, UJARNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI TELAH DIMINTA MENYEDIAKAN SENARAI NAMA BAKAL-BAKAL PEMBELI RUMAH.

KATANYA, LANGKAH INI BOLEH MENJIMATKAN +HOLDING COSTS+ KEPADA PEMAJU DI SAMPING MENGELAKKAN TIMBULNYA MASALAH DI MANA RUMAH SIAP TETAPI TIDAK DIDUDUKI.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MELAKSANAKAN SISTEM PASUKAN PETUGAS BAGI MEMPASTIKAN BAHAWA PROSES KELULUSAN PERMOHONAN BERKAITAN URUSAN TANAH, PERANCANGAN, INFRASTRUKTUR, PELAN DAN LAIN-LAIN. -- LAGI.

1420MST 13 07 86

D209

U B048 DEB
MAHATHIR - RUMAH 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG DIAMBIL IALAH MENGEQUALIKAN BAYARAN DUTI SETEM PINDAH-MILIK YANG PERTAMA, IAITU DI ANTARA PEMAJU DAN PEMBELI PERTAMA DAN MENGEQUALIKAN BAYARAN UKUR SEKIRANYA PERKHIDMATAN JABATAN UKUR DIGUNAKAN UNTUK KERJA MENGUKUR DI PROJEK-PROJEK DI BAWAH PROGRAM KHAS ITU.

DI SAMPING ITU, KERAJAAN JUGA TELAH MEMPERKENALKAN SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PINJAMAN YANG BARU YANG LEBIH MUDAH DAN CEPAT DAN INI TELAH PUN DIPERSETUJUI OLEH PERSATUAN BANK-BANK MALAYSIA.

MENGENAI TINDAKAN MEMUDAHKAN DAN MEMPERCEPATKAN KELULUSAN SEMUA URUSAN YANG BERKAITAN DENGAN PROJEK PERUMAHAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYARANKAN SUPAYA KONSEP PUSAT SERENTI DIAMALKAN OLEH PIHAK BANK, KERAJAAN NEGERI DAN PEMAJU ATAU PEMBELI.

MEREKA HENDAKLAH BERJUMPA DALAM SATU SESSI KHAS UNTUK MENIMBANG DAN MELULUSKAN SERENTAK KESEMUA URUSAN. -- LAGI

1455MST 13 07 86

D229

U 8059 DEB
MAHAHIR - RUMAH < KUALA LUMPUR

UNTUK MENURUNKAN LAGI KOS RUMAH MURAH, PERDANA MENTERI MEMINTA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ARKITEK, PERSATUAN PEMBORONG, PERSATUAN PERANCANG BANDAR DAN PIHAK-PIHAK LAIN YANG TERBABIT, Mencari ide baru dalam teknologi industri perumahan.

Katanya, satu cara menurunkan harga rumah murah kepada antara \$12,000 hingga \$15,000 ialah dengan mendirikan rumah asas yang kemudiannya boleh dibuat tambahan, apabila para penghuni mempunyai wang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata di samping melaksanakan rancangan rumah khas itu, kerajaan akan terus melaksanakan program perumahan awam kos rendah yang dirancang dan diluluskan di bawah rancangan Malaysia Kelima. -- BERNAMA

1548MST 13 07 86